



**LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA LJT NO. 6/2024**

**PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG  
TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
BANGUNAN WISMA LJT**

## PENGENALAN SEBUT HARGA

### PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA LJT

#### PERINGATAN:

1. Kontraktor dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Pengurusan GLSDC & Aset LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Kontraktor adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan sebut harga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

## KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LJT NO. 6/2024

TAJUK : PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI AIR  
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA  
LJT

### 1. PELAWAAN SEBUT HARGA

- 1.1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah pecahan kod bidang CE20 (Sistem Bekalan Air), B04 (Pembinaan Bangunan) dan M15 (Kelengkapan Mekanikal Pelbagai) yang masih belum tamat tempoh bagi **Perolehan Membekal Dan Memasang Tangki Air Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Wisma LJT.**

### 2. KAEDAH PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

- 2.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Kontraktor, kesemua Kontraktor yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak.
- 2.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Kontraktor, Kontraktor yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak.

### 3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

- 3.1. Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Pejabat LJT, Aras 5, Wisma LJT, Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA JUMAAT, 8 NOVEMBER 2024, JAM 12.00 TENGAH HARI.**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK LEMBAGA (LJT) UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

LJT adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga Kerja (**Borang I**),
- b) Borang Ringkasan Sebut Harga (**Borang II**),
- c) Jadual Spesifikasi dan Harga Kerja (**Borang III**),
- d) Borang Maklumat Penyebut Harga (**Borang IV**),
- e) Surat Akuan Pembida dan tandatangan di (**Borang V**)
- f) Senarai semak dan tandatangan.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

Kontraktor boleh merujuk kepada Senarai Semak (Kerja) untuk dokumen-dokumen lain yang perlu dihantar bersama borang-borang di atas.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebut Harga LJT No. 6/2024** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin di talian 03-41085191 untuk penjelasan lanjut.

### **3. TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan.

### **4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

### **5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. INSURANS**

2.1. Kontraktor hendaklah mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja\* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada LJT semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, LJT berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

### **3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA**

3.1. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Jadual Spesifikasi Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan LJT atau Wakilnya.

3.2. Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan

#### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat tawaran atau Borang Pesanan, tanpa sebab-sebab yang munasabah, surat tawaran atau Borang Pesanan akan dibatalkan oleh LJT dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

#### **5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada LJT.

#### **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH LJT**

6.1. LJT atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh LJT, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2. Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada LJT secara bertulis.

#### **7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

7.1. Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada LJT tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan.

- 7.5. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6. Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1. Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2. Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada LJT untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

LJT berhak membatalkan Borang Pesanan LJT sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada LJT:

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan LJT tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. BAYARAN KEMAJUAN**

LJT dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.



## **11. KERJA PERUBAHAN**

- 11.1. LJT boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh LJT atau yang disahkan kemudian oleh Pegawaiinya boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2. Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh LJT akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh LJT dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 12.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik di mana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2. Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh LJT dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3. Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, LJT berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, LJT hendaklah mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

## **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pesanan LJT yang telah ditandatangani serta cap/meterai kontraktor, nota penghantaran dan invoice kepada LJT.

#### **14. PERAKUAN SIAP KERJA**

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

#### **15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

#### **16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**BORANG I- SEBUT HARGA KERJA**

**BORANG SEBUT HARGA KERJA**

Sebut Harga LJT No. 6/2024

.....  
.....  
.....

Tuan,

Sebut harga untuk **Perolehan Membekal Dan Memasang Tangki Air Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Wisma LJT.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

.....  
(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... minggu / bulan dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Lembaga Jurukur Tanah.

Bertarikh pada .....haribulan.....20....

.....  
Tandatangan Kontraktor

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: .....

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

No. K/P: .....

Alamat: .....

Alamat: .....

.....  
.....

.....  
.....

.....  
Meterai atau Cap Kontraktor

**BORANG II- RINGKASAN SEBUT HARGA****RINGKASAN SEBUT HARGA**

<b>BIL.</b>	<b>KERJA</b>	<b>TEMPOH PERLAKSANAAN</b>	<b>HARGA (RM)</b>
1	Kerja-kerja pembersihan tangki air di tingkat bawah bangunan sedia ada		
2	Kerja-kerja membuka dan menanggal keseluruhan tangki air lama sedia ada di bahagian bumbung bangunan, termasuk menyediakan tong sampah RORO dengan kelulusan MPAJ dan aksesori berkaitan		
3	Kerja-kerja membekal dan memasang dua (2) unit tangki air baharu termasuk aksesori berkaitan		
4	Menyediakan kren mudah alih untuk kerja-kerja memunggah dan mengangkat barang yang mematuhi garis panduan MPAJ		
5	Kerja-kerja memberhentikan sambungan paip sedia ada sebelum membuka tangki air di bahagian bumbung bangunan dan menyambung semula semua paip kepada dua unit tangki air baharu termasuk aksesori berkaitan		
6	Kerja-kerja mengubah suai sistem pembekalan air sedia ada untuk mengelakkan gangguan air semasa proses penggantian tangki, termasuk pasukan tindakan bersedia untuk menyelesaikan masalah gangguan air		
7	Kerja-kerja membuka dan menanggal paip water supply dropper (jenis ABS) di bahagian bumbung bangunan sedia ada dan memasang paip PVC baharu (jenis PN16), Kelas D yang mematuhi kelulusan SIRIM termasuk kerja-kerja dan aksesori berkaitan		

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....

Tandatangan kontraktor  
dan cop rasmi syarikat

Tarikh: .....

**BORANG III- JADUAL SPESIFIKASI DAN HARGA KERJA**

**PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA LJT**

BIL.	KERJA	UNIT	HARGA (RM)	SST (RM)	HARGA TERMASUK SST (RM)
1	Kerja-kerja pembersihan tangki air di tingkat bawah bangunan sedia ada (kapasiti lebih kurang 12,000 gelen)	L/sump			
2	Kerja-kerja membuka dan menanggal keseluruhan tangki air lama sedia ada (kapasiti lebih kurang 19,000 gelen) di bahagian bumbung bangunan, termasuk menyediakan tong sampah RORO dengan kelulusan MPAJ dan aksesori berkaitan	L/sump			
3	Kerja-kerja membekal dan memasang dua (2) unit tangki air baharu jenis <i>Fiberglass Reinforced Plastik</i> (FRP) berkapasiti lebih kurang 16 gelen termasuk aksesori berkaitan termasuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tangga luar tangki (HDG)</li> <li>- Tangga dalam tangki (SS304)</li> <li>- Bolt dan nat (HDG)</li> <li>- <i>Foam gasket</i> (PVC foam)</li> <li>- Pengukur aras air (jenis mekanikal)</li> <li>- <i>Skid base</i> (HDG)</li> </ul>	L/sump			
4	Menyediakan kren mudah alih untuk kerja-kerja memunggah dan mengangkat barang yang mematuhi garis panduan MPAJ berkenaan tempat letak kereta dan pengalihan trafik, termasuk pemotongan pokok	L/sump			
5	Kerja-kerja memberhentikan sambungan paip sedia ada sebelum membuka tangki air di bahagian bumbung bangunan dan menyambung semula semua paip kepada dua unit tangki air baharu termasuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Inlet valve</i></li> <li>- <i>Outlet valve</i></li> <li>- <i>Balancing valve</i></li> <li>- <i>Scour valve</i></li> <li>- <i>Electrode sensor</i></li> <li>- <i>Heavy duty ball float valve</i></li> </ul>	L/sump			
6	Kerja-kerja mengubah suai sistem pembekalan air sedia ada untuk mengelakkan gangguan air semasa proses penggantian tangki, termasuk pasukan tindakan bersedia untuk menyelesaikan masalah gangguan air	L/sump			

BIL.	KERJA	UNIT	HARGA (RM)	SST (RM)	HARGA TERMASUK SST (RM)
7	Kerja-kerja membuka dan menanggal paip water supply dropper (jenis ABS) di bahagian bumbung bangunan sedia ada dan memasang paip PVC baharu (jenis PN16), Kelas D yang mematuhi kelulusan SIRIM termasuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelengkapan dan aksesori yang diperlukan</li> <li>- Coring konkrit di bilik riser selepas memasang paip baharu</li> <li>- Penyambungan kepada paip dropper dalam sedia ada</li> <li>- Penyambungan kepada booster pump bumbung sedia ada</li> <li>- Pengkalisian air pada titik coring</li> </ul>	L/sump			
8	Lain-lain (jika ada)				
<b>JUMLAH HARGA (Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga)</b>					

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Jadual Kadar Kerja ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Kerja.

.....

Tandatangan kontraktor  
dan cop rasmi syarikat

Tarikh:.....

## BORANG IV- BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

### BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

#### A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapi oleh penyebut harga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebut harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

#### Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat:.....
2. No. Pendaftaran Syarikat: ..... Tarikh Tamat: .....
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: ..... Tarikh Tamat: .....
4. Alamat Pendaftaran Syarikat: .....
5. Alamat Surat Menyurat: .....
6. No Telefon: ..... No Faks:.....
7. Taraf Syarikat\*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera / .....% Bukan Bumiputera / .....% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera: .....hingga .....
10. Jenis Syarikat\*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain .....(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran sebut harga : .....
12. Tempoh Siap Kerja : .....

#### Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

#### 3. Butiran Kewangan Syarikat.

Sila sertakan salinan penyata item berikut:

- i. 3 bulan terkini akaun bank
- ii. Deposit tetap (jika ada)
- iii. Kemudahan kredit daripada bank (jika ada)

## Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan Warganegara
1.	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....

- Sila potong yang tidak berkenaan

## Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

## B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

1. Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah:

Nama syarikat / Agensi serta lokasi	Jenis kerja/ Skop Projek	Tarikh Dijadualkan Tamat	Nilai Projek (RM)



2. Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan dalam 3 tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta jangkamasa/ tahun projek seperti di bawah):-

Maklumat organisasi dan lokasi kerja	Perkara / Skop Kerja	Tempoh Pelaksanaan	Nilai Projek (RM)

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....

(Tandatangan)

Nama : .....

Cop rasmi syarikat : .....

Tarikh : .....

**BORANG V- SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA LJT**

*(Perlu diisi dan ditandatangani oleh penyebut harga)*

Saya ..... No Kad Pengenalan  
.....

yang mewakili ..... Nombor Pendaftaran Syarikat ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

**SENARAI SEMAK  
PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA LJT  
SEBUT HARGA LJT NO. 6/2024**

Sila tandakan ( / ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	Untuk Ditanda Oleh Penyebut harga	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (SPKK)		
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (jika ada)		
3.	Salinan Sijil Pendaftaran CIDB		
4.	Borang Sebut Harga Kerja Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani ( <b>BORANG I</b> )		
5.	Ringkasan Sebut Harga ( <b>BORANG II</b> )		
6.	Jadual Spesifikasi dan Harga Kerja ( <b>BORANG III</b> )		
7.	Borang Maklumat Penyebut Harga ( <b>BORANG IV</b> )		
8.	Surat Akuan Pembida ( <b>BORANG V</b> )		
9.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terkini (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga)		
10.	Lain-lain sekiranya ada:		

**PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :

**UNTUK KEGUNAAN LJT**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga  
mengesahkan penerimaan dokumen bertanda  
kecuali bagi perkara bil  
.....  
..... (jika  
ada)

Tandatangan :

Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :

Tandatangan :

Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :